

40/KLIA/2025



AGensi KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

WARGA CHINA DITAHAN KERANA MENGASARI PENJAWAT AWAM DI KLIA

SEPANG, 14 Ogos 2025 – Tindakan biadab seorang wanita warga China yang bertindak agresif dan mencederakan pegawai kaunter imigresen semasa pemeriksaan perlepasan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) membawa padah apabila individu terbabit ditahan pihak berkuasa untuk tindakan undang-undang.

Kejadian berlaku sekitar jam 7.40 petang semalam di Balai Berlepas KLIA Terminal 1 apabila empat warga China, terdiri daripada dua (2) dewasa dan dua (2) kanak-kanak, hadir untuk pemeriksaan pelepasan imigresen. Pegawai kaunter mendapati kesemua mereka tidak mempunyai rekod pergerakan masuk dan telah merujuk kepada Penyelia Pasukan untuk semakan lanjut.

Bagaimanapun, wanita dewasa tersebut tidak berpuas hati apabila diminta memberi laluan kepada penumpang lain sementara semakan dibuat. Suspek kemudiannya memaki-hamun pegawai dengan perkataan kesat, sebelum menarik tudung pegawai dan menolak kepalanya dengan kuat ke arah tiang di hadapan kaunter. Pergelutan kecil berlaku dan suspek masih enggan bertenang walaupun diarahkan.

Pegawai Penguatkuasa Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) segera memanggil Pasukan Keselamatan Penerbangan (AVSEC) untuk mengawal keadaan. Akibat serangan itu, pegawai mengalami bengkak di sekitar mata kiri, sakit kepala di bahagian kanan dan lenguh badan, sebelum dirujuk ke Hospital Cyberjaya untuk rawatan dan laporan perubatan.

Laporan polis telah dibuat, dan suspek kini dalam tahanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk siasatan. Wanita warganegara China tersebut disiasat di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan (menghalang penjawat awam), Seksyen 332 (mencederakan penjawat awam), dan Seksyen 353 (menggunakan kekerasan jenayah terhadap penjawat awam).

AKPS menegaskan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak atas sebarang bentuk kekerasan, penghinaan, atau ancaman terhadap pegawai yang menjalankan tugas dan mengharapkan pihak terbabit dikenakan tindakan sewajarnya mengikut undang-undang.

Gambar berkaitan:

<https://drive.google.com/drive/folders/1wz9NMRN2Ib5NwVJbckCCj9YiKzFkqsuS?usp=sharing>

TAMAT

14 OGOS 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGensi KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI